

13/09/2003

Kredit Mikro Desa RM1b bantu pengusaha kecil kampung

KUALA LUMPUR: Kerajaan menerusi Bank Pertanian Malaysia Bhd (BPMB) mewujudkan skim Kredit Mikro Desa dengan peruntukan RM1 bilion, bertujuan menggerakkan lagi kegiatan ekonomi luar bandar dan membantu pengusaha kecil kampung memajukan perusahaan mereka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, bagi memastikan skim itu dilaksanakan secara teratur dan berkesan, kemudahan pembiayaan di bawah skim itu akan disalurkan mengikut kumpulan.

Beliau berkata, saluran pembiayaan dilaksanakan menerusi Jawatankuasa Kemajuan Kampung terutama bagi penempatan yang menjalankan program menghasilkan satu produk bagi satu kampung.

Katanya, kemudahan itu juga akan diselia mengikut Jawatankuasa Pembangunan Daerah dan Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, skim itu bertujuan memberi peluang kepada petani menggunakan masa lapang mereka menjalankan kegiatan sampingan dan menambah pendapatan.

Katanya, penyediaan kemudahan itu adalah lanjutan daripada Skim Kredit Mikro di bawah Pakej Strategi Baru yang diumumkan Mei lalu, yang memberikan pinjaman mudah kepada pengusaha kecil daripada pelbagai golongan seperti petani, penternak lembu, peniaga pasar malam dan penjaja.

"Alhamdulillah, sambutannya di luar dugaan," katanya.

Dr Mahathir berkata, hingga kini, BPMB dan Bank Simpanan Nasional (BSN) sudah menerima hampir 88,000 permohonan bernilai RM1.4 bilion.

Daripada jumlah itu, beliau berkata, permohonan daripada 42,000 pemohon bernilai RM430 juta sudah diluluskan.

Bayaran balik pinjaman juga menggalakkan dengan hampir 86 peratus menjelaskan bayaran balik mengikut jadual, katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan berbangga dengan sambutan itu walaupun masih ada peminjam yang cuba menyalahgunakan kemudahan itu.

"Bagi mereka yang sudah diluluskan pinjaman, janganlah ada yang liat untuk membayar balik pinjaman," katanya.